

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 1, Halaman 47-66

Memahami Makna Kata Dalam al-Quran Berbantuan Senarai Kata Berfrekuensi Tinggi

Understanding the Meaning of al-Quran Using Arabic High-Frequency Word List

Abdul Razif Zaini ^{1*}, Yaakob Hasan,¹ & Muhammad Haron Husaini¹

¹Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Dr. Abdul Razif Bin Zaini, Pensyarah Kanan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, abdulrazif@kuis.edu.my, 0123106096.

ABSTRACT

The main purpose of this study is to analyze the words contained in surah al-Mulk, as well as the need to understanding Arabic words in order to comprehend the meaning of verses in the al-Quran. This study also focuses directly on understanding the meaning of the al-Quran through the acquisition of Arabic high frequency word lists which underlying Arabic language learning as a second or foreign languages. Learning the al-Quran and understanding the meaning of its verses either at school level, university or general classes are facing the comprehension's issue. Most of them are not capable to understand the verse that is read or memorized. Even the tahfiz students also face the stated problem and some of them memorize the verses of al-Quran without knowing and understanding their meanings. Hence, this study is in the form of exploration and comparison which uses frequency and percentage as a measurement tool. The findings indicate that, surah al-Mulk contained 399 words and the level of similarities between these words and Arabic high frequency word lists is 93% which is extremely high. It is also explained that Arabic language learning supported by explicitly learning of high-frequency word lists has a positive impact on understanding the verses of the al-Quran especially in surah al-Mulk. The future studies are recommended to focus on other surahs of the al-Quran, thus strengthening the role of the high-frequency word lists in growing the understanding to the meaning of words in the al-Quran more broadly.

Keywords

Arabic Vocabulary, Al-Quran Word meaning, High Frequency word list, Tadabbur

ABSTRAK

Matlamat utama penyelidikan ini adalah menganalisis kata yang terdapat dalam surah al-Mulk dan mengenalpasti keperluan memahami kata Arab berfrekuensi tinggi dalam usaha menghayati makna ayat dalam al-Quran secara keseluruhannya. Kajian ini juga memberikan tumpuan langsung kepada usaha mengukur tahap kesepadanan kata dalam surah al-Mulk dengan senarai kata berfrekuensi tinggi al-Riyadh. Ia merupakan usaha memahami makna kata al-Quran berpandukan penguasaan senarai kata berfrekuensi tinggi yang perlu mendasari pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua/asing. Pembelajaran al-Quran dan penghayatan makna ayat-ayatnya samada di peringkat sekolah, universiti mahupun di peringkat pengajian umum sering berdepan isu pemahaman. Golongan terbabit dilaporkan tidak mampu memahami ayat yang dibaca mahupun dihafaz. Malah pelajar tahfiz juga berhadapan masalah yang sama dan terdapat dalam kalangan mereka menghafaz ayat tanpa menitikberatkan maksudnya. Ia berpunca daripada penguasaan bahasa Arab yang lemah dan kosa kata yang terhad. Justeru, kajian yang dijalankan ini berbentuk eksplorasi dan perbandingan yang menggunakan kekerapan serta peratusan sebagai alat pengukuran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah kata yang terdapat dalam surah al-Mulk adalah 399 perkataan dan tahap kesepadanan antara senarai kata berfrekuensi tinggi al-Riyadh (1979) berada pada tahap tinggi iaitu 93%. Dapatan ini menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa Arab yang disokong dengan pembelajaran kata berfrekuensi tinggi secara eksplisit mempunyai impak positif dalam memahami ayat al-Quran khususnya dalam surah al-Mulk. Dapatan ini mengukuhkan peranan senarai kata berfrekuensi tinggi dalam meningkatkan kefahaman kepada makna kata dalam al-Quran dengan lebih luas.

Kata kunci

Kosa Kata Arab, Makna Kata al-Quran, Senarai Kata Berfrekuensi Tinggi, Tadabbur

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan mukjizat agung yang diturunkan kepada umat manusia melalui junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Kitab ini menjadi panduan kepada umat Islam selagi mereka berpegang teguh dengannya. Al-Quran bermakna bacaan atau himpunan. Lafaz al-Quran yang dari sudut bahasanya berasal dari perkataan قرأ - يقرأ أو قراءة - mempunyai maksud yang sangat mendalam.

Al-Quran sinonim dengan perkataan al-Qirā'ah. Ia merupakan wahyu Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s., ditulis dalam mashaf, disampaikan kepada kita secara mutawatir dan menjadi ibadat dengan membacanya. Membaca al-Quran merupakan suatu ibadah, dan ibadah harus berpaksi kefahaman terhadap ayat-ayat yang dibaca.



Bagi memahami makna ayat-ayat al-Quran dengan baik, bahasa Arab mempunyai peranan yang sangat penting. Bahasa Arab, pemahaman makna kata serta pentafsiran ayat al-Quran mempunyai korelasi dan hubungan yang sangat signifikan. Kefahaman yang jitu terhadap ayat-ayat al-Quran yang dibaca menjadi pedoman dalam berpegang teguh kepada sumber rujukan utama umat Islam seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud “*Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara jika kamu berpegang teguh padanya, kamu tidak akan sesat buat selama-lamanya; iaitu Kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya.*” (Riwayat Imam Malik).

2.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Al-Quran tidak hadir dalam bentuk lembaran kertas tanpa makna. Bahkan ia tidak semata-mata dibaca dengan lagu tanpa memahami isi kandungannya. Umat Islam bukan sahaja digalakkan untuk menghafalnya, malahan setiap Muslim dituntut memahami maksud perkataan dalam al-Quran serta mentadabbur ayat-ayatnya (Mohd Sukki, 2020).

Terdapat banyak ayat al-Quran yang menggalakkan manusia agar memahami, memerhati, menyelidiki serta tadabbur. Orang yang memiliki pengetahuan yang mendalam dan memahami ilmu tentang bahasa Arab akan lebih mudah memahami al-Quran (Intan, 2016). Salah satu matlamat agung penurunan al-Quran adalah memahami isi kandungannya dan mentadabbur (Maisarah, Mohd Faizulamri & Sabri, 2018). Kewajipan manusia ke atas al-Quran melibatkan lima perkara iaitu mendengar, tilawah, menghafal, tadabbur dan beramal serta berhukum dengannya (Abdul Muhsin, 2017).

Keperluan menguasai bahasa Arab khususnya dalam memahami isi kandungan al-Quran telah diperdebatkan ilmuwan terdahulu. Hukum mempelajarinya terbahagi dua; fardu kifayah dan fardu ain. Menurut pandangan Imam Shafie (t.t):

"يجب على كل مسلم أن يتعلم من لسان العرب ما بلغه جهده..."

Maksudnya: *Setiap Muslim perlu mempelajari bahasa Arab mengikut kesanggupannya*

Dalam memahami maksud dan tafsiran ayat, langkah pertama yang perlu dilazimi adalah memahami makna kata dalam al-Quran. Pengetahuan yang terhad terhadap aspek kata bakal menyukarkan usaha tersebut (Intan, 2016), antaranya *waqf* dan *ibtida'* (Muhammad Syafee, Khairatul Akmar, Mahmud Lutfi & Ahmad Shahir, 2014).

Pemahaman terhadap aspek kata dilihat dari dua sudut iaitu tekstual dan kontekstual. Kedua-dua aspek ini dihubungkan menerusi makna-makna kata bagi sesuatu lafaz yang kemudiannya membentuk makna khusus dan tertentu. Mengetahui makna lafaz secara tekstual merupakan langkah awal bagi sesuatu proses pemahaman (Intan, 2016).

Kontekstual pula merujuk kefahaman sesuatu makna berdasarkan konteks atau *siyaq*. Konteks berhubungan dengan tempat, masa, tematik sejarah dan beberapa aspek lain



(Intan, 2016). Walaupun interaksi dengan makna ayat al-Quran secara tekstual atau *harfiah* semata-mata memungkinkan kita berhadapan risiko kesilapan memahami kandungannya, namun ia tetap menjadi pra syarat untuk memahami makna ayat secara kontekstual (Ahmad Fakhurrazi, 2020).

Pemerhatian menemukan bahawa ramai pelajar dan penuntut tidak menunjukkan usaha dalam mencari makna ayat, sebaliknya hanya menumpukan terhadap hafazan. Dapatan Nurain, Mohd Faizulamri dan Mohd Nazri (2017) menunjukkan kefahaman bahasa pelajar dan pemahaman mereka terhadap makna kata ayat al-Quran berada pada tahap rendah. Berdasarkan senario ini, proses tadabbur berkemungkinan sukar berlaku sedangkan tadabbur al-Quran merupakan syarat utama untuk mencapai objektif penurunan al-Quran (Maisarah et.al, 2018). Antara puncanya, pelajar tidak mampu menguasai bahasa Arab disebabkan kurang interaksi berbahasa serta tidak minat bahasa Arab malah pelajar lemah penguasaan bahasa sehinggakan mereka tidak mampu untuk memahami dan menterjemah maksud ayat dengan baik (Rosni, 2009).

Pembelajaran al-Quran dan pemahaman makna ayat-ayatnya samada di peringkat sekolah, universiti mahupun di peringkat pengajian umum sering berdepan isu penguasaan bahasa Arab. Di peringkat sekolah, pelajar dilaporkan tidak mampu memahami ayat yang dibaca mahupun dihafaz (Zahriah et.al, 2016). Ia berpunca daripada penguasaan bahasa Arab (membaca, menulis, mendengar dan bertutur) yang lemah (Md. Noor et al., 2016) dan saiz kata yang terhad (Zaini, Hasan & Husaini, 2020; Zaini & Abd. Rahman, 2015).

Begitu juga di peringkat pengajian tahfiz, penekanan aspek kefahaman makna ayat al-Quran dalam institusi terbabit juga dilihat tidak dititik beratkan dalam kalangan pelajar. Bahkan, sebahagian pelajar tahfiz didapati kurang berusaha untuk mencari makna ayat (Aznil & Ab Halim, 2012). Walaupun kebanyakan pelajar tahfiz tahu bahawa pemahaman makna ayat adalah penting, namun masih terdapat dalam kalangan mereka yang menghafaz ayat tanpa mempedulikan maksud ayat (Monika, Liyana Nadzirah, Nor Hizwani, Nik Mohd Zaim, 2014).

Madiah (1992) menjelaskan bahawa 32.5% pelajar tingkatan dua dan tiga sukar memahami maksud ayat yang dipelajari. 35% pelajar tingkatan empat juga berhadapan masalah yang sama. Secara keseluruhannya, 72% pelajar hanya memahami sedikit kandungan ayat dan baki 28% tidak memahami langsung walau pun mereka mempelajari bahasa Arab.

Masalah kefahaman terhadap ayat al-Quran juga turut dihadapi oleh penuntut dewasa. Golongan ini mempunyai kesungguhan yang tinggi untuk mempelajari dan memahami maksud ayat al-Quran, namun berdepan masalah kesukaran mengingat makna kata. Ramai beranggapan bahawa bahasa Arab sangat sukar dipelajari dan perbendaharaan katanya sangat luas. Perbendaharaan kata yang besar ini sangat menyukarkan proses pemahaman makna kata. Antara usaha yang perlu dilakukan bagi menyelesaikan masalah pemahaman kata ini adalah pembangunan leksikon ke semua golongan ini



adalah dengan penguasaan kosa kata yang berfrekuensi tinggi (Zaini & Abd. Rahman, 2015).

Senarai kata berfrekuensi (*word frequency list* – قائمة المفردات الشائعة) merujuk kepada suatu senarai perkataan yang dihimpun dan disusun mengikut kekerapan penggunaannya. Kebiasaannya perkataan-perkataan ini diperolehi daripada sebuah korpus yang sangat besar. Frekuensi atau kekerapan sesuatu perkataan itu ditemui di dalam sesebuah teks (lisan atau penulisan) merupakan salah satu aspek yang diambil kira bagi tujuan penyenaraian (Nation, 2001).

Senarai kata berfrekuensi tinggi ini sering dimanfaatkan dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (SLA) khususnya yang berhubung dengan aspek leksikal. Malah ia memainkan peranan dalam menjamin kelangsungan penguasaan bahasa (‘Abd al-Bari, 2011). Maklumat berkaitan frekuensi ini juga membekalkan asas yang relevan dalam memastikan pelajar mendapat pulangan yang terbaik apabila mereka menguasai perkataan-perkataan yang disenaraikan (Nation & Waring, 1997). Keadaan ini seolah membuktikan bahawa perkataan yang kerap muncul dalam sesuatu bahasa itu merupakan perkataan yang sangat berguna bagi pelajar dan penutur bukan jati yang ingin menguasai bahasa tersebut (McCarthy, 1992). Dalam konteks kajian ini, penguasaan kata berfrekuensi tinggi ini mampu menjadi asas dalam pemahaman makna kata dalam al-Quran.

Kajian-kajian tentang kosa kata yang berasaskan frekuensi membuktikan terdapat sejumlah perkataan mempunyai nilai dan tahap penggunaan yang tinggi. Sebahagian perkataan mempunyai peranan yang besar dan sering digunakan manakala sebahagian yang lain hanya digunakan pada situasi-situasi tertentu (McCarthy, 1992). Kosa kata berfrekuensi tinggi merupakan sejumlah kecil perkataan yang mempunyai kebarangkalian yang sangat tinggi untuk ditemui di dalam sesuatu situasi komunikasi lisan mahupun pembacaan (Nation, 2001; Meara, 2001; Hill & Romich, 2001; McCarthy, 1992).

Kebanyakan kajian menyatakan had penguasaan minimum bagi kosa kata adalah sekurang-kurangnya 2000 perkataan dan ia haruslah terdiri daripada perkataan berfrekuensi tinggi. Jumlah ini adalah sangat relevan khususnya bagi penguasaan umum (Nation, 2001; Meara, 2001; Schmitt, 2000; Carter, 1998).

Jadual 1: Peratusan Kefahaman Terhadap Teks Berasaskan Penguasaan Kata



Tahap	Komunikasi	Fiksyen	Akhbar	Teks Akademik
1000 kata	84.3%	82.3%	75.6%	73.5%
2000 kata	6 %	5.1 %	4.7 %	4.6 %
Kosa kata Akademik	1.9 %	1.7 %	3.9 %	8.5 %
Lain-lain	7.8 %	10.9 %	15.7%	13.3%

Jadual 1 menunjukkan liputan kefahaman terhadap teks berdasarkan saiz kata. Menurut Nation (2001), penguasaan 1000 perkataan yang pertama menyumbang sebanyak 73.5 % tahap kefahaman terhadap sesuatu teks akademik yang dibaca. Manakala penguasaan 1000 perkataan yang kedua pula menokok 4.6 % lagi tahap kefahaman. Ini menjadikan tahap kefahaman yang dicapai bagi penguasaan 2000 perkataan adalah di sekitar 78.1%. Peratusan ini menghampiri 80% dimensi kefahaman yang dianggap munasabah dalam memahami sesuatu teks secara keseluruhannya.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan:

- (1) menganalisis kata yang terdapat dalam surah al-Mulk.
- (2) menentukan kesepadanan kata antara senarai kata surah al-Mulk dengan senarai kata berfrekuensi tinggi al-Riyadh.

4.0 SOROTAN LITERATUR

4.1 Al-Quran: Baca, Faham, Tadabbur Dan Amal

Al-Quran tidak hadir dalam bentuk lembaran kertas tanpa makna. Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT yang di turunkan oleh Malaikat Jibrail a.s melalui junjungan besar Nabi Muhammad SAW yang memiliki kemukjizatan dari sudut lafaz dan maknanya, dianggap ibadah bagi yang membacanya, diturunkan kepada umat secara mutawattir (al-Buty, 1999).

Membaca al-Quran adalah satu ibadah. Setiap umat Islam wajib sentiasa mendampingi al-Quran dan membacanya. Pahala pembacaan al-Quran bagi setiap satu huruf yang dibaca diberikan satu ganjaran kebaikan seperti yang disebutkan dalam hadith Nabi SAW. Walau apa pun tujuan membaca al-Quran, Allah SWT akan tetap memberikan



ganjaran pahala, selagi mana difokuskan pembacaan al-Quran itu ke hadirat Allah SWT (Sarinah, 2016).

Peringkat seterusnya yang perlu dilalui adalah kefahaman. Memahami maksud ayat al-Quran amat dianjurkan dan dituntut Islam (Sarinah, 2016). Kefahaman merupakan elemen yang membantu dan mengukuhkan hafazan kerana dengan memahami maksud ayat dan makna perkataan individu akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz (Azmil Hashim, Ab. Halim, Misnan & Aderi, 2014).

Pemahaman kata dan ayat-ayat dalam al-Quran memerlukan pengetahuan bahasa yang baik termasuk pemilihan kata yang mencukupi. Pembelajaran bahasa yang baik dan sistematik kebiasaannya menitikberatkan soal penguasaan kata yang akhirnya akan membekalkan kefahaman yang sempurna. Al-Quran memilih huruf dalam kata-katanya, memiliki susunan yang indah serta mengandungi maksud dan tujuan yang jelas. Orang yang memiliki pengetahuan yang mendalam dan memahami ilmu tentang bahasa Arab mempunyai kelebihan dalam memahami al-Quran (Intan, 2016).

Pemahaman yang mendalam terhadap makna kata ayat al-Quran membawa kita kepada peringkat tadabbur. Tadabbur menuntut penelitian dan penghayatan isi kandungan al-Quran secara mendalam agar petunjuk yang diberikan menerusi kitab suci ini dapat memperteguhkan keimanan kita kepada Allah SWT (Mohd Sukki, 2020). Dalam al-Quran terdapat empat tempat yang menyebut perkataan tadabbur iaitu pada surah Surah al-Nisa' ayat 82, Surah Muhammad ayat 24, Surah al-Mukminūn ayat 68 dan Surah Şād ayat 29. Kesemua ayat ini menjelaskan mengenai keutamaan memahami makna-makna dan peringatan daripada al-Quran (Maisarah, Mohd Faizulamri & Sabri, 2018).

Memerhatikan makna-makna ayat al-Quran dengan sepenuh hati lalu menyatukannya dengan akal fikiran sewaktu mencermati ayat tersebut juga terangkum dalam definisi tadabbur menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah (w. 751H). Tadabbur seringkali diterjemahkan dalam kitab terjemahan al-Quran sebagai penghayatan dan pemerhatian terhadap al-Quran (Norasid & Abdullah, 2016).

Menurut Abu al-Layth al-Samarqandi (w. 373H), mentadabbur al-Quran bermaksud mendengar bacaan al-Quran, mengambil pengajaran daripadanya, memikirkan ayat-ayat yang terdapat di dalamnya yang terdiri daripada janji baik dan janji buruk, berfikir mengenai keajaiban al-Quran sehingga memupuk keyakinan yang padu bahawa al-Quran datang daripada Allah SWT serta menyucikan al-Quran.

Peringkat-peringkat ini jelas membawa kita kepada amal. Ibn Kathir (w. 774H) menukilkan kata-kata al-Hasan al-Basri bahawa tidaklah dikatakan mentadabbur al-Quran sekiranya seseorang itu hanya menghafal huruf-hurufnya, tetapi tidak



mengamalkan apa yang terkandung di dalamnya. Sebaliknya, mentadabbur al-Quran juga perlu dijelmakan dengan mengamalkan kandungan ayat tersebut.

4.2 Pembelajaran Bahasa Arab Dan Penguasaan Makna Kata

Secara umumnya, pembelajaran bahasa Arab di Malaysia berpaksikan faktor keagamaan. Walaupun kurikulum bahasa Arab di Malaysia dilihat berteraskan kemahiran mengikut acuan *The Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*, ia masih berkait dengan elemen agama menerusi teks dan contoh-contoh ayat yang terkandung di dalamnya.

Kosa kata merupakan elemen penting dalam pembelajaran bahasa, khususnya dalam konteks pembelajaran bahasa kedua/asing. Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia tidak terkecuali dalam memberi penekanan terhadap pembelajaran kata, walaupun ia tidak secara eksplisit (Zaini, 2015).

Dalam kurikulum KBSM, sasaran menguasai kata dinyatakan dengan jelas. Malah, senarai kata turut disertakan di akhir buku teks bagi tujuan rujukan dan penguasaan (Zaini & Abd. Rahman, 2012). Dalam kurikulum KSSM pula, senarai kata tidak dibekalkan secara khusus, namun ia dipersembahkan dengan *qawalib lughawiyah* kerana matlamat yang disasarkan adalah penerapan penggunaan kata menerusi contoh-contoh ayat yang diberikan (DSKP Tingkatan 1, 2015).

Dalam konteks pembelajaran bahasa, senarai kata merupakan himpunan perkataan yang disenaraikan dalam buku tertentu yang harus dipelajari oleh seseorang. Manakala senarai kata berfrekuensi pula merujuk senarai yang diekstrak dari suatu korpus berpaksikan kekerapan. Penggunaan senarai kata berfrekuensi dalam bidang pendidikan bermula sejak awal kurun ke 20. Senarai kata berfrekuensi bahasa Inggeris karya Thorndike (1921) merupakan di antara senarai kata berfrekuensi terawal yang dihasilkan. Senarai kata ini telah diterbitkan sekitar tahun 1921 di Amerika Syarikat ('Abduh, 1979).

Senarai kata berfrekuensi tinggi juga sering dimanfaatkan dalam bidang pemerolehan bahasa kedua (SLA) khususnya yang berhubung dengan aspek leksikal. Malah ia memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan reka bentuk kurikulum bahasa (Nation & Waring, 1997) serta mampu menjamin kelangsungan pengajaran dan pembelajaran bahasa ('Abd al-Bari, 2011).

Selain dari itu, ia juga dimanfaatkan agar bebanan pelajar dapat dikurangkan (Cowie, 2007). Maklumat berkaitan frekuensi ini juga membekalkan asas yang relevan dalam memastikan pelajar mendapat pulangan yang terbaik apabila mereka menguasai



perkataan-perkataan yang disenaraikan (Nation & Waring, 1997). Frekuensi merujuk kepada kekerapan kemunculan sesuatu perkataan dalam sesebuah teks (Rosni Samah, 2013; Taemah, 2005; Read, 2000; Nation, 2000; McCarthy, 1990). Dalam konteks yang lebih luas, ia merujuk kepada kekerapan sesuatu perkataan itu hadir dalam sesebuah korpus yang besar mencakupi pelbagai bidang serta merentasi pelbagai bentuk wacana.

Untuk mengukur dan menentukan frekuensi kemunculan sesuatu perkataan dalam sesebuah teks atau korpus juga bukanlah suatu perkara yang mudah. Suatu senarai kata berfrekuensi itu perlu menepati beberapa kriteria untuk menjadi asas yang baik sebagai rujukan bagi tujuan pengukuran. McCarthy (1990) telah membicarakan isu ini menerusi beberapa perspektif antaranya saiz dan sumber korpus.

Senarai Kosa Kata al-Riyadh yang juga dikenali dengan *al-Mufradāt al-Shā'iat fi al-Lughat al-'Arabiyyat* ini adalah sebahagian daripada hasil usaha gigih Dāwud 'Athiah 'Abduh dalam pengumpulan kosa kata yang mempunyai kekerapan tinggi. Senarai kosa kata al-Riyadh ini dianggap sebagai salah satu senarai kosa kata yang terbaik dan terbesar dalam bidang leksikal Arab (al-Sharbūfiy, 2007). Saiz senarai ini sangat besar. Ia terdiri dari empat senarai kosa kata utama iaitu senarai kosa kata 'Aqil, senarai kosa kata Landau, senarai kosa kata Brail dan senarai kosa kata beliau sendiri yang tidak pernah diterbitkan dengan saiz korpus keseluruhan berjumlah 700,000 perkataan. Sumbernya pula merentas bidang dan tema meliputi akhbar dan buku-buku bacaan berkaitan sastera, prosa, syair, sejarah, ekonomi, pendidikan dan ilmu kemasyarakatan ('Abduh, 1979, al-Syarbūfiy, 2007).

Saiz kosa kata individu mempunyai hubungan yang kukuh dengan bahasa secara keseluruhannya (Nation, 2001; Read, 2000; Meara, 1996; Laufer, 1996, 1998) dan berkorelasi dengan kemahiran membaca, mendengar, bertutur dan menulis (Staehr, 2008; Llach & Gallego, 2009). Beberapa kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa saiz kosa kata mempunyai hubungan yang kuat dengan kemahiran membaca (Pringprom & Obchuae, 2011; Baleghizadeh & Goblin, 2010; Nation, 2000) khususnya aspek kefahaman (Laufer & Ravenhorst-Kalovski, 2010).

Bagi memahami sesebuah teks, perkara penting yang perlu diberikan perhatian adalah saiz kosa kata yang diperlukan (Nation, 2006). Justeru, Nation (2006) berpendapat, untuk memahami sesebuah teks, seseorang itu perlu menguasai sekitar 98% perkataan yang terdapat dalam teks tersebut. Manakala Laufer (1989) dan Laufer & Ravenhorst-Kalovski (2010) mendapati 95% pengetahuan terhadap perkataan-perkataan dalam sesebuah teks adalah nisbah yang relevan bagi memahami teks tersebut. Namun, penguasaan 80% perkataan yang terdapat di dalam sesebuah teks pula dikatakan had minimum yang munasabah bagi pengembangan kata dan kemahiran untuk tahap



selanjutnya (Meara, 2001, 1996; Koizumi, 2005) dan ia seharusnya terdiri dari perkataan berfrekuensi tinggi.

Dalam konteks kajian ini, penguasaan sebanyak 2000 perkataan yang terdiri daripada kata berfrekuensi tinggi ini akan membolehkan seseorang individu memahami teks yang dibaca dengan kadar minimum 80%. Beberapa kajian yang dibuat membabitkan peranan kata berfrekuensi tinggi dalam meningkat kefahaman terhadap teks membuktikan teori adalah relevan. Baleghizadeh & Goblin (2010) melaporkan bahawa korelasi di antara penguasaan kata berfrekuensi tinggi dan kefahaman mempunyai hubungan yang kuat dan signifikan ($r=.84$, $p < .05$). Laufer (1992) membuktikan penguasaan kata berfrekuensi tinggi berkorelasi dengan pemahaman terhadap teks di antara ($r=.50$ hingga $r=.75$) dengan 3000 perkataan berfrekuensi adalah diperlukan. Dapatan-dapatan di atas turut disokong oleh kajian Pringprom dan Obchuae (2011) dan menunjukkan bahawa skor tahap kefahaman pada teks responden akan meningkat sekiranya pelajar memiliki saiz kata berfrekuensi tinggi yang besar.

Dapatan kajian terdahulu ini menunjukkan bahawa penguasaan kata berfrekuensi tinggi yang besar mampu membekalkan kefahaman yang relevan termasuk dalam konteks yang dibincangkan dalam kajian ini. Hipotesisnya, sekiranya pelajar berjaya didedahkan dengan perkataan yang mempunyai kekerapan tinggi, mereka dianggarkan mampu memahami sekurang-kurangnya 80 % daripada bahan bacaan umum yang dibaca. Hal ini sudah pasti akan menjadikan beliau berkemampuan untuk mengembangkan kefahamannya ('Abduh, 1979).

4.3 Surah Al-Mulk: Pemahaman, Penghayatan Dan Pengamalan

Surah Al-Mulk (سورة الملك) ialah surah ke-67 dalam al-Quran. Surah ini tergolong surah Makkiyah, terdiri daripada 30 ayat. Dinamakan surah "al-Mulk" (Kuasa Pemerintahan), kerana pada awal surah ini Allah SWT menegaskan kekuasaan-Nya yang mutlak, menguasai pemerintahan dunia dan akhirat. Surah ini diturunkan selepas surah al-Thur, dan terletak di awal juzuk ke 29.

Seperti surah Makkiyah yang lain, surah al-Mulk menyentuh persoalan aqidah dan usulnya. Surah al-Mulk dimulakan dengan pengawasan ilmu Allah dan kekuasaan-Nya. Surah ini diakhiri dengan amaran dan peringatan Allah SWT kepada golongan pendusta yang mengharapkan kewafatan Rasulullah SAW dan kemusnahan orang-orang muslim (al-Şabūniy, 1979).

Surah al-Mulk juga dikenali sebagai surah pendinding atau penyelamat. Surah ini menyelamatkan pembaca dan pengamalnya dari azab kubur dan hari kiamat sepertimana sabda Rasulullah SAW:



هي المانعة هي المنجية من عذاب القبر

Maksudnya: Ia adalah pendinding dan penyelamat dari azab kubur (Riwayat al-Tirmizi)

Surah al-Mulk mempunyai banyak fadhilat, antaranya seperti yang terkandung dalam hadis Rasulullah SAW. Riwayat Abu Hurairah r.a:

إن سورة في كتاب الله ما هي إلا ثلاثون آية شفعت لرجل حتى غفر له تبارك الذي بيده الملك
: أخرجه الإمام أحمد وأبو داود والترمذي والنسائي وابن ماجه والحاكم وصححه غيرهم

Abu Hurairah ra meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda, “*Sebahagian daripada al-Quran ada satu surah yang jumlah ayatnya tiga puluh ayat semuanya, surah ini dapat memberikan pertolongan kepada orang yang membacanya sehingga diampunkan segala dosa-dosanya, surah itu ialah “al-Mulk”*.” (Hadith Riwayat Abu Daud dan at-Tirmizi dan status hadith ini adalah Hadith Hasan)

Hadith ini menunjukkan kelebihan surah al-Mulk. Orang yang sentiasa mengamalkan membaca surah al-Mulk sehingga akhir surah akan diampunkan oleh Allah SWT segala dosanya. Kerana itu surah ini sangat wajar dihafaz dan dibaca setiap hari. Rasulullah SAW bersabda *سورة تبارك هي المانعة من عذاب القبر* bermaksud: “*surah Al Mulk menjauhkan manusia dari azab kubur*”.

Surah ini merupakan surah yang dekat dengan masyarakat Malaysia. Selain mempunyai fadhilat yang besar, surah ini menjadi surah hafalan dan amalan kebanyakan rakyatnya. Bahkan, surah ini dituntut hafalannya bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah dan ini merupakan faktor mengapa surah ini dipilih menjadi sampel kajian.

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian eksploratori yang dijalankan bagi melihat tahap persamaan antara kata yang terkandung dalam surah al-Mulk dengan senarai kata berfrekuensi tinggi (senarai kata al-Riyadh) oleh Abduh (1979). Kaedah perbandingan digunakan bagi meninjau dimensi persamaan dan perbezaan antara kedua-duanya.

Bagi tujuan tersebut, perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk diekstrak dan dihitung. Antara metod yang digunakan bagi tujuan ekstrak adalah :

- (i) perkataan yang bersambung dengan huruf di hadapan dipisahkan menjadi dua perkataan seperti *لِلشَّيْطَانِ* adalah *لِ* dan *الشياطين*,



- (ii) manakala perkataan yang bersambung dengan *dhomir* di belakang dikekalkan sebagai satu perkataan seperti قَوْلِكُمْ
- (iii) perkataan yang berulang diambil kira dalam pengiraan. Perbandingan dibuat menggunakan peratusan.

Tahap kesepadanan kata diukur menggunakan peratusan. Perkataan yang diekstrak daripada surah al-Mulk dipadankan dengan senarai kata berfrekuensi tinggi al-Riyadh. Perkataan dalam surah al-Mulk yang berpadanan dengan senarai kata al-Riyadh diekstrak sekali lagi dan dihitung peratusannya daripada jumlah keseluruhan kata dalam surah al-Mulk.

6.0 DAPATAN KAJIAN

6.1 ANALISIS PERKATAAN DALAM SURAH AL-MULK

Berdasarkan metodologi pengiraan yang digunakan dalam kajian ini, perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk berjumlah 399 perkataan. Perkataan-perkataan ini terdiri dari kategori *isim*, *fi'l* dan *harf*.

Rajah 1: Kategori perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk


Rajah 1 menunjukkan kategori perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk. Jumlah kata yang diperolehi ini dihitung dengan mengambil kira pengulangan. Pecahan perkataan mengikut kategorinya adalah seperti berikut; 170 daripadanya adalah isim (kata nama) mewakili 43 %, 88 terdiri daripada *fi'il* (kata kerja) mewakili 22 %, dan 141 daripadanya adalah huruf (partikel) mewakili 35 %.



6.2 Perbandingan Antara Perkataan Dalam Surah Al-Mulk Dengan Senarai Kata Berfrekuensi Tinggi Al-Riyadh

Secara keseluruhannya, perbandingan yang dibuat ke atas perkataan-perkataan dalam surah al-Mulk dan senarai kata berfrekuensi tinggi oleh Abduh (1979) mendapati bahawa peratusan persamaan antara kedua-dua instrumen ini berada pada tahap yang tinggi.

Rajah 2: Peratusan Kesepadanan Kata antara Surah al-Mulk dan Senarai al-Riyadh



Rajah 2 menunjukkan bahawa peratusan kesepadanan antara surah al-Mulk dan senarai kata al-Riyadh adalah 93 %. Ini bermakna 370 daripada 399 perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk mempunyai persamaan dengan senarai kata al-Riyadh. Peratusan ini sangat besar dan ia menunjukkan bahawa persamaan antara perkataan dalam surah al-Mulk dengan senarai kata berfrekuensi yang dipadankan adalah sangat signifikan. Dengan kata lain, 93 % perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk terkandung dalam Senarai kata al-Riyadh yang dikaji. Berdasarkan dapatan ini, pelajar dan penuntut bahasa disarankan untuk menguasai perkataan yang terdapat dalam senarai kata al-Riyadh dengan mendalam. Sekiranya individu terbabit menguasai 2000 hingga 3000 perkataan yang terkandung dalam senarai kata al-Riyadh, beliau secara automatik memahami 93 % yang terkandung dalam surah al-Mulk.

Melihat dari konteks kategori kata, individu yang menguasai senarai kata berfrekuensi tinggi tidak berhadapan kesukaran memahami huruf (partikel). Ini kerana, semua partikel yang terdapat dalam surah al-Mulk terdapat dalam senarai kata berfrekuensi tinggi ini. Penguasaan senarai kata berfrekuensi tinggi ini membolehkan individu tersebut memahami semua partikel yang terdapat dalam surah yang dikaji.



Jumlah kata kerja yang terdapat dalam surah al-Mulk adalah 88 perkataan. Daripada jumlah ini, kata kerja yang berpadanan antara kata dalam surah al-Mulk dan senarai kata berfrekuensi tinggi adalah 81 kata. Ini bermakna 92 % daripada kata kerja yang terdapat dalam surah al-Mulk berpadanan dengan Senarai Kata Al-Riyadh. Perkataan yang tidak sepadan hanya tujuh perkataan sahaja iaitu *أسروا*, *لجوا*, *يجير*, *تقور*, *اجهروا*, *بخسف* dan *تمور*.

Manakala jumlah kata nama mewakili komposisi terbesar dalam surah al-Mulk. Jumlahnya 170 perkataan dan 148 daripadanya sepadan dengan Senarai kata al-Riyadh mewakili 87 %. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesepadanan kata nama antara surah al-Mulk dan Senarai kata al-Riyadh juga adalah tinggi. Ini bermakna, penguasaan kata berfrekuensi tinggi sangat signifikan dengan pemahaman kata dalam surah al-Mulk.

6.3 PERKATAAN YANG TIDAK SEPADAN DENGAN SENARAI KATA BERFREKUENSI TINGGI

Dapatan kajian ini mendapati hanya 29 perkataan sahaja dalam surah al-Mulk yang tidak sepadan dengan Senarai Kata al-Riyadh. Jumlah ini hanya mewakili 7 % daripada jumlah keseluruhan kata yang dikaji. Kefahaman kepada makna kata surah al-Mulk berjaya diperolehi sekiranya pelajar atau penuntut menguasai senarai kata berfrekuensi tinggi dan peratusan ini adalah sangat tinggi dan signifikan. Penelitian yang dibuat kepada perkataan-perkataan ini menunjukkan bahawa pecahan perkataan yang tidak sepadan dengan Senarai Kata al-Riyadh adalah seperti berikut:

Jadual 2: Kesepadanan Kata antara Surah al-Mulk dan Senarai Kata al-Riyadh

Jenis Kata	Jumlah Kata dalam surah al-Mulk	Sepadanan	Tidak Sepadanan	Peratusan Kesepadanan (%)	Perkataan yang tidak sepadan
Isim (Kata Nama)	170	148	22	87	السعير، تفاوت، حسير، حَاسِبًا، زلفة، شهيقا، عتو، غروو، فطور، كرتين، معين، نكير، الغيظ، النشور، حاصبا، غورا، سحقا، مناكبها، مكبا،



					نفور .
Fi'l (Kata Kerja)	88	81	7	92	اجهروا، تفور، يجير، لجوا، أسروا، تمور، يخسف .
Harf (Partikel/ Huruf)	141	141	0	100	-

Jadual 2 menunjukkan kesepadanan kata antara surah al-Mulk dan Senarai Kata al-Riyadh. Peratus kesepadanan antara surah al-Mulk dan senarai kata al-Riyadh adalah 87% bagi kata nama, 92% bagi kata kerja dan 100% bagi partikel/huruf. Dari perspektif linguistik, penguasaan 1000 perkataan berfrekuensi tinggi mampu membekalkan 75% kefahaman terhadap teks, 2000 perkataan berfrekuensi membekalkan 85% kefahaman terhadap teks, manakala 3000 perkataan berfrekuensi tinggi membekalkan 90% kefahaman kepada teks (Nation, 2001). Dalam konteks surah al-Mulk, dapatan yang diperolehi menunjukkan ia selari dengan teori yang dikemukakan oleh sarjana linguistik sekaligus mengesahkan senarai kata berfrekuensi tinggi mampu meningkatkan kefahaman individu terhadap pemahaman kata dalam sesebuah teks.

7.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa tahap kesepadanan antara perkataan yang terdapat dalam surah al-Mulk dengan senarai kata berfrekuensi tinggi al-Riyadh (1979) berada pada tahap tinggi iaitu 93%. Ia menjelaskan bahawa individu yang memiliki dan menguasai kata yang terdapat dalam senarai kata berfrekuensi tinggi ini mampu memahami 93% maksud kata al-Quran al-Karim.

Pemahaman kata secara tekstual atau *harfiah* semata-mata tidak mencukupi untuk memahami ayat al-Quran. Walaupun berinteraksi dengan makna ayat al-Quran secara tekstual membuatkan kita berhadapan risiko kesilapan memahami kandungannya, namun pemahaman kata secara tekstual merupakan langkah awal bagi sesuatu proses pemahaman secara kontekstual dan seterusnya tadabbur.



Pembelajaran bahasa Arab yang disertakan dengan pembelajaran kosa kata berfrekuensi tinggi secara eksplisit mempunyai impak positif dalam memahami ayat al-Quran khususnya dalam surah al-Mulk. Walau bagaimanapun, bagi melihat kesan dan pengaruh senarai kata berfrekuensi tinggi ke atas pemahaman makna kata al-Quran dengan lebih konsisten, kajian akan datang disyor untuk dilakukan ke atas beberapa surah yang lain supaya kesan dan hasilnya dapat diperolehi secara menyeluruh. Kajian akan datang juga disyorkan untuk memanipulasi data secara empirikal. Kajian yang melibatkan pelajar perlu dijalankan bagi melihat keberkesanan sebenar penguasaan kata berfrekuensi tinggi ini dalam memperluas penguasaan makna kata mereka terhadap al-Quran al-Karim.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019. No Geran: KUIS/2019/GPIK-03/GPI/01, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk 'Pembinaan Senarai Kata Bahasa Arab Berasaskan Frekuensi'.

RUJUKAN

- 'Abduh, Daud 'Atiyyaṭ. (1979). *Al-Mufradāt al-Sha'i'at fi al-Lughat al-'Arabiyyat-Dirāsāt fi Qawā'im al-Mufradāt al-Sha'i'at fi al-Lughat al-'Arabiyyat*. al-Riyadh: Maṭbu'at Jāmi'at al-Riyadh.
- Abdul Muhsin. (2017). *Mabādi' tadabbur al-Quran al-Karim*. Riyadh: al-Dāiri al-Sharqi.
- al-Ahdāl, Hāshim Ali. (2008). *'Ta'līm tadabbur al-Quran al-Karim: 'asālīb 'amaliyah wa marāhil manhajīyyah'*. Universiti Ummul Qura, Makkah al-Mukarramah.
- Ahmad Fakhurrrazi Mohammed Zabidi, (2020). Memahami al-Quran secara kontekstual. Berita Harian Online 21 May 2020.
- Azmil Hashim & Ab Halim Tamuri. (2012). Persepsi pelajar terhadap kaedah pembelajaran tahfiz alquran di malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4(2) 2012, 1-10.
- Azmil Hashim, Ab Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar. *Journal of al-Quran and Tarbiyyah. Vol 1(1) 2014 : 9-16.*
- Baleghizadeh, Sasan & Golbin, Mohammad. (2010). The effect of vocabulary size on reading comprehension of Iranian EFL learners. *LiBRI. Linguistic and Literary Broad Research and Innovation*, Volume 1, Issue 2. Dipetik dari [http://www.edusoft.ro/brain/index.php/libri/article/view/130/321\(15/08/202\)](http://www.edusoft.ro/brain/index.php/libri/article/view/130/321(15/08/202))



- al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. (1999). *Min rawāi" al-Quran ta'āmulāt 'Ilmiyah wa 'adabiyah fi kitābillah Azza Wajalla*. Riyad: Maktabah al-Riyahd al-Hadīthah.
- Carter, Ronald. (1998). *Vocabulary Applied Linguistic Perspectives*. Second Edition, London and New York: Routledge.
- Cowei, A.P., (1999). *English dictionaries for foreign learners: A history*, New York: Oxford University Press Inc.
- Hasnan Kasan, Mohd Fadzil Mustafa, Siti Sarah Haimi & Umar Faruk, (2017). Faktor interaksi dengan al-quran dalam proses penghayatan kehidupan beragama pelajar- pelajar UKM, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, <http://doi.org/10.37231/jimk.2017.15.1.224>
- Hill, Katya & Romich, Barry. (2001). *Core vocabulary and the AAC performance report*. Dipetik dari <https://aacinstitute.org/core-vocabulary-and-the-aac-performance-report/> (01/06/2021)
- Ibn Kathir, (1994). *Tafsir al-Quran al-'Azim. Ed. Abd al-Qader al-Arnaout*. Maktabah Dar al-Faiha' & Maktabah Dar al-Salam. Damsyik, Syria & al-Riyadh, Arab Saudi.
- Intan Sari Dewi. (2016). Bahasa Arab dan Urgensinya dalam memahami al-Quran, *Kontemplasi: Jurnal Ilmu-Ilmu Ushuluddin*, 4(1), 39-50. <https://doi.org/10.21274/kontem.2016.4.1.39-50>.
- Koizumi, Rie. (2005). Relationships between productive vocabulary knowledge and speaking performance of japanese learners of english at the novice level. (Disertasi PhD). University of Tsukuba, Japan.
- Laufer, B. (1989). What percentage of text-lexis is essential for comprehension? In Nation. (2006). *Learning Vocabulary in Another Language*. (p.145). New York:Cambridge.
- Laufer, B. (1996). The lexical threshold of second language reading comprehension: what it is and how it relates to ll reading ability. In Sajavaara, K. & Fairweather, C. (Eds.). *Approaches to second language acquisition*, (pp.55-62). Finland: University of Jyväskylä.
- Laufer, B. (1998). The Development of passive and active vocabulary in a second language: same or different?. *Applied Linguistics*, 19/2, 255-271
- Laufer, B., & Ravenhorst-Kalovski, G. C. (2010). Lexical threshold revisited: lexical text coverage, learners' vocabulary size and reading comprehension. *Reading in a Foreign Language*, April 2010, Volume 22, No. 1, 15–30.
- Llach, M Pilar Augustin & Gallego, Melania Terrazas. (2009). Examining the relationship between receptive vocabulary size and written skills of primary



- school learners. *Atlantis: Journal of The Spanish Association of Anglo-American Studies* 31.1, hal: 129-147
- McCarthy, Micheal. (1992). *Vocabulary*. Hong Kong: Oxford University Press.
- Madiah Haji Muhamad. (1992). *Pembelajaran al-Quran di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah: satu tinjauan di daerah Kuala Terengganu*, Latihan Ilmiah Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Maisarah Thulhuda Mat Jafri , Mohd Faizulamri Mohd Saad & Sabri Mohamad. (2018). Keutamaan amalan tadabbur al-Quran terhadap pelajar tahfiz, *Jurnal al-Turath*; Vol. 3, No. 2; 2018.
- Md Noor Hussin, Saupi Man, Khairatul Aqmar Abd Latif, Ahmad Redzauddin Ghazali, Muhammad Rofian Ismail, Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar. (2016), Tahap penguasaan bahasa Arab masyarakat awam melalui pelaksanaan pembelajaran bahasa Arab di masjid. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2016 (Irsyad 2016).
- Meara, P.M., (2001). The importance of an early emphasis on L2 vocabulary, Dipetik dari <http://www.jalt-publications.org/tlt/files/95/feb/meara.htm>
- Meara, PM. (1996). The dimensions of lexical competence. This paper first appeared in: G Brown, K Malmkjaer & J Williams (eds.) *Performance and Competence in Second Language Acquisition*. Cambridge: Cambridge University Press. 35-53. [Versi elektronik]
- Mohd Sukki Othman, (2020 Mac 24). Keutamaan tadabbur al-Quran, *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/03/557832/keutamaan-tadabbur-al-quran>
- Monika @ Munirah Abd Razzak, Liyana Nadzirah Md Saril, Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nik Mohd Zaim Ab Rahim. (2014). Strategi pengajaran dan pembelajaran al-quran melalui program televisyen: kajian di Tv Al-Hijrah. *Proceedings: The 4th Annual International Qur'anic Conference 2014*.
- Muhamad Alihanafiah Norasid, Mustaffa Abdullah, (2017). Tadabbur al-Quran sebagai mekanisme pembangunan modal insan rabbani: sorotan pemikiran sa'id hawwa, Ed. Sedek Ariffin, Khadder Ahmad & Selamat Amir, *Tadabbur al-Quran: Isu dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Syafee Salihin bin Hasan ,Khairatul Akmar Ab Latif, Mahmud Lutfi Abd. Hadi ,Ahmad Shahir Masdan. (2014). *Kemahiran waqf dan ibtida' dalam kalangan pelajar program sarjana muda alquran dan al-qiraat (Psmas) Selangor*. Di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis). Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).



- Nation, I.S.P. (2006). How large vocabulary is needed for reading. *The Canadian Modern Language Review*, 63, (1), hal 1-12.
- Nation, I.S.P. (2001). *Learning vocabulary in another language*, United Kingdom: Cambridge University Press.
- Nurain Zainal Abidin, Mohd Faizulamri Mohd Saad, Mohd Nazri Ahmad, (2017). Tahap pengetahuan pelajar di Madrasah al-Mustafawiyah littahfizil quran bangi terhadap tadabbur al-quran, *Jurnal al-Turath*; Vol. 2, No. 1.
- Pringprom, Preawpan & Obchuae, Bupha (2011) Relationship between vocabulary size and reading comprehension. *Proceeding 2nd International Conference of The Foreign Language Learning and Teaching*. 1 March 2011, Bangkok, Thailand.
- al-Qardhawi, Yusuf, (1998). *Kaifa Nata'amal Ma'al Quran*. Egypt: Dar al-Syuruq.
- Read, J. (2000). *Assesing vocabulary*. Eds. Alderson, J.C. & Bachman, L.F. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Rohana Zakaria. Hayati Hussin & Adzam Rasdi, (2015). *Tadabbur al-Quran: syarat utama yang diperlukan untuk mencapai objektif al-Quran*. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015), Kuala Lumpur, 12-13 Oktober 2015.
- Rosni Samah. (2009). *Isu pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).
- al-Sabuniy, Muhammad Ali. (1979). *Safwah al-Tafasir*. Cairo: Dar al-Sabuniy.
- Sarinah Yahya, (2016). *Pemahaman tafsiran tersirat dari tersurat wasilah tadabbur al-Quran menerusi corak tafsir tahlili*. Ed. Sedek Ariffin, Khadder Ahmad & Selamat Amir, *Tadabbur al-Quran: Isu dan cabaran semasa*. Kuala Lumpur, Malaysia: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- al-Shafie, Muhammad Idris, (t.t). al-Risalah, Ed. Ahmad Muhammad Syakir, Dar al-Fikir.
- al-Sharbūfiy, 'Isa 'Audat 'Athiyyat. (2007). Qawa'im al-mufradat al-syai'at wa ta'lim al-lughat. Dipetik dari www.faculty.ksu.edu.sa/3046/research (09/05/2014).
- Schmitt, Norbert. (2000). *Vocabulary in language teaching*. United States of America: Cambridge University Press.
- Staehr, Lars Stenius, (2008). Vocabulary size and skills of listening, reading and writing, *Language Learning Journal*, v36 n2 Dec 2008, 139-152
- Waring, R. and Nation, I.S.P. (1997). Vocabulary size, text coverage, and word lists. In *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy* N. Schmitt and M.



McCarthy (eds.). Cambridge University Press, Cambridge: 6-19 [Versi Elektronik]

- Zahriah Hussin, Nik Farhan Mustapha, Che Radiah Mezah, Pabiyah Normaliza Abd Rahim, (2016). Kepentingan nahu arab dalam menghafaz al-Quran. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 16(2), June 2016.
- Zaini, A.R, Hasan, Y., Husaini, M.H., (2020), Saiz kosa kata pelajar jurusan bahasa Arab, *Isu-isu kontemporari dalam pengajian linguistik arab & ketamadunan*, eISBN 978-967-2808-00-8 hal: 66-75 Bangi: Penerbit FPPI.
- Zaini, A.R. (2015). *Penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di peringkat kolej university*. PhD thesis, University of Malaya.
- Zaini, A.R., & Abd. Rahman, M.Z., (2015). Saiz kosa kata bahasa arab dalam kalangan penuntut jurusan pengajian Islam dan bahasa Arab. *Jurnal Pengajian Islam*. Bil 8, Isu 2, Dis 2015, 225-238 .
- Zaini, A.R & Abd. Rahman, M.Z. (2012). Perbendaharaan kata sasaran sukatan bahasa arab sekolah menengah aliran kerajaan di Malaysia. *Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan & Pendidikan Islam*. 8-9 Mac 2012, Le Grandeur Palm Resort, Johor Bahru.